

20 OCT 2000

Gubahan-Bunga

JALUR GEMILANG DIBUAT DARI BUNGA ANGGERIK

SHAH ALAM, 20 Okt (Bernama) -- Jalur Gemilang yang diperbuat dengan menggunakan 6,000 kuntum anggerik akan dipamerkan kepada orang ramai di Plaza Alam Sentral di sini antara pukul 9 malam dan 12 tengah malam ini.

Bendera Malaysia itu, yang berukuran 4.5 meter panjang dan 4.2 meter, akan dicatatkan dalam Malaysia Book of Records sebagai gubahan bunga anggerik berbentuk bendera yang terbesar negara yang diadakan bersempena Minggu Alam Sekitar Malaysia.

Isteri Menteri Besar Selangor Zahrah Kechik akan meletakkan kuntum anggerik yang terakhir untuk melengkapkan reka bentuk Jalur Gemilang itu semasa majlis "Press Fresh Flower", kata Penolong Pegawai Kawalan JAS, Monaliza Mohd Yusof.

Beliau berkata 2,000 anggerik berwarna merah, 2,000 anggerik berwarna putih, 1,800 anggerik biru dan 200 anggerik kuning digunakan untuk menjayakan rekabentuk unik itu yang menelan belanja RM15,000.

"Ia akan dipamerkan di pekarangan Plaza Alam Sentral di sini selama seminggu sebelum dipindahkan ke pejabat Jabatan Alam Sekitar di Putrajaya," katanya dalam persidangan berita di sini hari ini.

Selangor adalah tuan rumah untuk Minggu Alam Sekitar Malaysia tahun ini.

Monaliza berkata pelbagai acara menarik disusun, antaranya pertandingan melukis, forum alam sekitar, kem kesedaran alam sekitar dan 'Envirohunt'.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding dijangka mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis pelancaran perayaan itu di Dataran Shah Alam esok.

Beliau berkata pada sebelah malam Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dijangka menyampaikan Anugerah Langkawi kepada para pemenang di Hotel Grand Blue Wave di sini.

Anugerah berprestij itu, yang berupa plak dan wang tunai RM10,000, diberikan kepada individu sebagai mengiktiraf sumbangannya ke arah mewujudkan kesedaran alam sekitar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

-- BERNAMA

AZH AKD